



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

KOSMO

- | | |
|--|----|
| - Kerajaan cadang sediakan ruangan khas merokok | 02 |
| - Kerjasama F&N, MPAJ, galak pelajar kita semula | 23 |

The Star

- | | |
|--------------------------------|-------|
| - Sticking to no-smoking rules | |
| - Blowing away income | 01-03 |

Utusan Malaysia

- | | |
|------------------------------------|----|
| - Kempen bukan bermusim- Dzulkefly | 12 |
| - Vape, shisha juga dilarang-KKM | 12 |

Sinar Harian

- | | |
|---|----|
| - Kementerian bukan 'hangat-hangat tahi ayam' | 08 |
| - KRT dakwa bekalan air dewan dicuri | 23 |

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - Bukan larangan bermusim: Dr Dzulkefly | 16 |
|---|----|

Harian Metro

- | | |
|---|----|
| - 'Kami sangka larangan hanya di premis skala besar sahaja' | 03 |
| - Penguat kuasa buat pemantauan setiap hari | 03 |
| - Peniaga masih degil halang laluan awam | 34 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Kerajaan cadang sediakan ruangan khas merokok
Muka Surat	02

Kerajaan cadang sediakan ruangan khas merokok

PUTRAJAYA - Kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan untuk menyediakan ruangan khas atau kubikal merokok seperti di negara-negara maju iaitu Jepun dan Korea Selatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, hasrat itu akan diteliti selepas tempoh enam bulan pelaksanaan larangan merokok di restoran dijalankan.



DZULKEFLY

"Negara sedang ke arah itu berikutnya kita juga perlu memberi perhatian mengenai hak untuk merokok iaitu tidak boleh menghalang orang untuk merokok," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan program promosi tempat makan sebagai tempat dilarang merokok dan pelancaran pro-

gram Restoran Tanpa Asap Rokok dan Tembakau di Presint 9 di sini semalam.

Dzulkefly memberitahu, sehingga semalam, sebanyak 5,746 premis telah diperiksa dan sebanyak 2,500 notis amaran dikeluarkan dan 14,237 risalah kesihatan diedarkan kepada orang ramai.

Katanya, kempen penguatkuasaan larangan merokok di restoran bukanlah satu usaha hangat-hangat tahi ayam sebaliknya ia terus dijalankan.

KOSMO 4/1/19
M/S 02.



POSTER larangan merokok dipasang sempena pelancaran program Restoran Tanpa Asap Rokok dan Tembakau di Presint 9, Putrajaya semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Kerjasama F&N, MPAJ, galak pelajar kita semula
Muka Surat	23

KOSMO! JUMAAT 4 JANUARI 2019

Oleh AMEEN AZIZUL AZIZ 23

KERAS 4/1/19 M/S 23

VARIA

Kerjasama F&N, MPAJ galak pelajar kitar semula

TABIAT mengitar semula merupakan salah satu perbuatan yang terpuji kerana ia tidak hanya dapat menjamin kebersihan berkekalan, malah mampu mengekalkan keseimbangan ekosistem alam sekitar.

Justeru, syarikat pengeluar minuman, Fraser & Neave Holdings Bhd. (F&N) baru-baru ini buat pertama kali menjalankan kerjasama bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi menggalakkan para pelajar dari 16 buah sekolah rendah dan menengah di Ampang Jaya, Selangor untuk mempelajari selok belok kitar semula.

Program yang berjaya mengumpulkan sebanyak hampir 30,000 kilogram (kg) bahan kitar semula dan berlangsung selama tujuh bulan itu bertujuan bagi membentuk sikap para pelajar agar menjadi pencetus perubahan dengan menjadi lebih prihatin dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Disokong oleh Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd., program tersebut menyaksikan penyertaan 10 buah sekolah rendah dan enam sekolah menengah di bawah anjuran MPAJ, yang berusaha mengumpulkan bahan kitar semula paling banyak bagi setiap pelajar dalam usaha mereka bersaing untuk merebut hadiah wang tunai sebanyak RM10,200.

Kongsi Pengurus Hal Ehwal Korporat F&N, kempen kitar semula sekolah merupakan platform untuk pelajar memainkan peranan penting dan menyumbang kepada persekitaran yang bersih dan hijau sambil meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya kitar semula selain menggalakkan rakan dan keluarga untuk membudayakan amalan ini dalam rutin harian mereka.

"Jika kita lihat, angka kutipan bahan kitar semula pada program kali ini adalah sangat tinggi dan hal demikian menunjukkan minat mereka dalam kitar semula selain bersungguh-sungguh memastikan alam sekitar lebih hijau dan lestari," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Hasrolizam Shaari turut memuji sikap positif yang ditunjukkan oleh kesemua peserta selain turut menggalakkan pelajar menjadikan kitar semula sebagai sebahagian daripada amalan hidup dan bukan memandangnya sebagai satu tugas manapun bebanan.



KAKITANGAN F&N dan MPAJ bergambar bersama wakil sekolah yang berjaya mengumpul bahan kitar semula paling banyak baru-baru ini.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Blowing away income Sticking to no-smoking rules
Muka Surat	01-03

Star Metro GREATER KLANG VALLEY

THE STAR, FRIDAY 4 JANUARY 2018 | (03) 7967 1388 ext 1706/1323/1496 (Editorial) | metro@thestar.com.my | (03) 7966 8388 (Advertising) | (03) 7966 8200 (Classified)

NEWS
No permit for sand washing in Jalan Kelang Lama >4

FEATURE
West coast the place to be for big sea fishing >8

EVENTS
Jan 1 joy for parents of three newborns >9

LARANGAN MEROKOK DI RESTORAN & PREMIS MAKANAN

Kementerian Kesihatan akan mengisyartkan SEMUA RESTORAN termasuk gerai dan warung di tepi jalan di seluruh negara sebagai kawasan larangan merokok.

AKAN DILAKUKAN PADA : 1 JANUARI 2019

KAWASAN TERLIBAT

- Restoran berhawa dingin atau tidak
- Gerai
- Warung makanan di tepi jalan

AKTA

- Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 digubal di bawah Seksyen 36 Akta Makanan 1983

JIKA GAGAL PATUHI

- Individu Denda maksimum RM10,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun
- Pemilik Premis Makanan Denda RM2,500

Sumber : Kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye

Too close for comfort: A smoker puffing away within sight of a no-smoking sign at a restaurant in Puchong, Selangor. From Jan 1, smoking is no longer allowed inside eateries and within 3m from the premises. — AZHAR MAHOF/The Star

Blowing away income

Restaurant operators, who have seen a drop in business with the smoking ban, are seeking leeway to provide smokers a place indoors where they can light up. >2&3


**Starmetro
watch**
TRAFFIC MATTERS

● The motorcycle ramp from Jalan Railway 1/2 to Jalan PJS 1/26 will be closed for three weeks from Jan 7 to 28 to connect the old and new ramp. Motorcyclists are advised to use Jalan Temppler towards New Pantai Expressway as an alternative route. For details, call 03-7958 4221.

● The slip road to Jalan Kuala Selangor from the Damansara-Puchong Highway (LDP) Sungai Buloh will be closed until Jan 31, from 10pm to 6am. Motorists are advised to follow road diversions and look out for flagmen.

MOBILE COUNTERS

● Shah Alam on Wheels is back tomorrow at Aeon Big Bukit Rimau Seksyen 32 Shah Alam from 11am to 5pm. Residents can pay assessment tax, settle compounds, lodge complaints and buy parking coupons.

● Petaling Jaya City Council is setting up mobile EZ-Pay counters at four locations this month. The counters will be at SD 17/1, Sri Damansara (near McDonald's and Petrolium) until Jan 8, SD 2/10 (near ASTH tyre shop) from Jan 9 to 15, Taman Megah 5524 (near the morning market) from Jan 16 to 23 and at PJU Damansara Damai (near McDonald's and Shell station) from Jan 24 to 31. All counters will operate from 10am to 3pm to facilitate assessment payments, settle compounds or lodge complaints. For details, call 03-7956 3544 ext 101/103.

BINS ARE A MUST

Petaling Jaya City Council is issuing RM1,000 compounds to business premises caught without a 240l rubbish bin. Business owners are reminded to get one immediately. For details, call 03-7954 1440.

BOOK EXCHANGE

KL Book Exchange is having its first session this year on Sunday from 8.45am to 10.45am at the Wisma TM open carpark in Jalan Desa Utama, Taman Desa, Kuala Lumpur. Just bring a book to exchange for another one for free. For details, visit facebook.com/klbbookexchange.

CHARITY RUN

The Malaysia Lysosomal Diseases Association is organising 'Run for Rare' in conjunction with the World Rare Disease Day 2018 aimed at spreading awareness of rare diseases. The event takes place this March 3 from 8am to 10am at Sunway Medical Centre. The 5km route includes Sunway Lagoon and its surroundings. Registration closes Jan 31. For details, call 03-8074 9209.

FREE WORKSHOP

There will be a two-hour free yoga workshop by Divine Life Society of Malaysia this Sunday from 4.30pm to 6.30pm at Vivekananda Ashram, Brickfields Kuala Lumpur. For details, call 03-6189 6994.

BLOOD DRIVE

KPJ Tawakkal Specialist Hospital together with the National Blood Bank will be having a blood donation campaign on Jan 16 from 10am to 4am at the hospital's main lobby, 1 Jalan Pahang Barat Kuala Lumpur. For details, call 03-4026 7777 ext. 1159/1157.

ENGLISH LIT WORKSHOP

UM's Education Faculty is organising a Discover SPM Lit workshop from 8.30am to 1pm on Feb 23. The workshops will be conducted by a specialist from the Education Ministry and costs RM30 per person. For details, call 03-7967 5124 or email litmad.um@gmail.com or azalla@um.edu.my



Ajmeet Curry House in Section 52, Petaling Jaya, has put up 'No smoking' signs all around its premises.

Keu says the Petaling Jaya Coffeeshop Association supports the smoking ban and printed signs for its members to display at their eateries.

Sticking to no-smoking rule

Teething problems as diners, smokers and business operators adjust to ban

By EDWARD RAJENDRA,
PRIYA MENON, SHEILA SRI
PRIYA, and JAROD LIM
metro@thestar.com.my

ALTHOUGH most people have accepted the ban on smoking in eateries, owners fear their business will be affected and this has been proven over the past few days.

StarMetro discovered this after speaking with restaurant owners and customers in Kuala Lumpur, Subang Jaya and Petaling Jaya to get feedback on the ban.

A handful of smokers did not want to adhere to the new ruling and owners found it difficult to tell them to abide by it for fear of starting an argument.

Some restaurants also experienced a drop in customers, with many regulars, who normally stayed on for hours, hurriedly finishing their meal.

The ruling that took effect on Jan 1, bans smoking in restaurants, including open-air eateries, and requires smokers to stand 3m away when lighting up.

Those caught smoking in prohibited areas could be fined up to RM10,000 or face two years' jail while owners allowing people to light up can be fined up to RM2,500.

Subang Jaya Chinese coffeeshop owner Luong Sao Ong, 60, said she saw a steady decline in her cash flow.

Luong said diners were aware of the ban and hurried through their meal in the morning. She did not need to remind customers as most heeded the signs she put up in the shop.

"People de-stress in the mornings by enjoying a hot cup of coffee with their cigarettes while reading the day's newspaper. The ban means their daily routine is affected," she added.

Subang Jaya resident Azhar Jusoh, 43, said his friend's mamak shop saw a decrease in the number of customers since the morning of Jan 1 as regulars avoided the restaurant because of the ban.

He said most of his friends had a



'No smoking' signs were seen at Restaurant Mahesa in TTDI at prominent places of the restaurant.

quick breakfast without staying over a cup of coffee and a cigarette like they used to.

"There is definitely loss of business for shops. When customers stay and chat, they are bound to order more food and drinks," he said, suggesting that the government provide designated areas for smokers.

Restaurant New Neighbour owner Gary Yong in Kuala Lumpur said he noticed that there were significantly fewer people smoking.

"I do not agree that shopkeepers should be held responsible for patrons smoking on the premises as we can only advise them not to smoke."

"If there are stubborn people who continue to ignore the ban, there is not much we can do as we do not want to start an argument," he said.

Dissatisfied with the ban

Smokers felt the ban was not being executed in a proper manner, saying it should have been implemented gradually.

A smoker who wanted to be known as Chung, from USJ 2, Subang Jaya, said it was uncomfortable to keep leaving his food and drink to smoke outside and return to continue with his meal.

He was stopped from smoking at two coffeeshops and ended up arguing with the waiters, he said.

Casual smoker Nor Azman Ismail, 57, said the ruling could have been better implemented.

While he supports the move, he said the Government should also consider the needs of smokers.

"You cannot completely ban it, there should be a space for us. In Japan, they have areas with ventilation on each floor for smokers," he pointed out.

Nor Azman said it was best to learn from other countries that had implemented a similar ruling.

Restaurant operator Cheah Wing Sing in Desa Mentari, Petaling Jaya, said he was willing to build an enclosed area to accommodate smokers and hoped that the Government would give him leeway to do this.

"Our customers mostly drink and smoke after work at night. We are worried the ban will affect our sales."

"We have foreign customers whom we sometimes have a problem communicating with and we fear they will not accept this ruling and continue to smoke."

"The authorities should not issue summonses to the operators in this case because the smokers are the ones who should be blamed."

"I am not a smoker but I think providing a designated smoking area will benefit both customers and business operators," he added.

Associations' views

Petaling Jaya Coffeeshop Association (PJCA) honorary secretary Keu Kok Meng said it had printed 1,000 tabloid-sized posters for its members last month.

"Our 500 active members went on a walkabout in Petaling Jaya in the first week of December to create awareness before the smoke-free ruling kicked in."

PJCA president Cheah Poo Kuang hoped that the Government would implement the ban in phases.

"About two years ago, we attended a meeting with the Health Ministry and suggested that restaurants allocate 30% of their space for smokers."

"This space can be reduced over time to give the public time to familiarise themselves with the ruling."

"We are also against the fine that will be imposed on operators if their guests smoke," said Cheah.

Malaysia-Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association president Ho Su Mong said all members supported the Government's call for smoke-free eateries.

"Smoke-free eateries will become the norm as most Malaysians welcome the decision to ban smoking in restaurants, at hawker centres and roadside stalls," he added.

Malaysian Indian Restaurant Owners Association (Primas) president T. Muthusamy said a majority of the customers who frequent their restaurants comply with the ruling and go out to smoke.



Some took less time than usual over their meal since they could no longer smoke on the premises.

"However, there are some teething issues that need to be ironed out, such as clear guidelines on the distance smokers need to be kept from restaurants."

Muthusamy suggested that the Health Ministry hold a dialogue with the associations in the second week of February to get feedback and clarify any ambiguity.

Positive response

Restaurant Mahesha owner Arunthavasehu Mayandie hoped that the ban would attract more families and give her the authority to tell patrons not to smoke while dining at the premises in Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur.

"Some regular customers still buy cigarettes here but they usually smoke outside the restaurant," she said.

Security guard Muthu Alagan, 53, said he supported the ban as it would create a smoke-free dining environment.

"It is disgusting to smell smoke

while eating and I often move to another table when this happens.

"Before this, it was hard for us to confront the smoker but with the ban, we can point out that what they are doing is wrong," he said.

A marketing executive who wanted to be known as Danny, 35, said he would go further away from the eatery to smoke.

"The fine is hefty, so I only smoke after leaving the eatery," he added.

Ajmeet Curry House restaurant operator Firza Ajmeer Farook was happy about the ban because he wanted his premises to be free of cigarette butts and ash.

"Fewer people are buying cigarettes too. It doesn't matter if my cigarette sales drop because I do not rely on it," said Firza, who operates his business in Section 52, Petaling Jaya.

He hoped that the Government would stick to the ban and not bow to pressure.

He also wants vaping to be banned as it makes customers

uncomfortable.

Father-of-three Adin Aziz, a smoker, said he accepted the ban for the sake of his children's health.

Adin, who smokes about one pack of cigarettes a day, said he had wanted to quit smoking but it was difficult.

"Even my friends who smoke welcome this ban. We have to start somewhere," said Adin.

Kamarul Mohamad, 47, said he fully supported the move and commended the six-month grace period before enforcement is carried out.

He said smoking was an individual's right but the concerns of non-smokers must be respected as well.

"I will stand up for patrons who are uncomfortable if smoking is taking place and advise smokers to stop if needed," he added.

Watch the video
thestartv.com



Adin is a smoker but he accepts the smoking ban for the sake of his children's health.



Firza is happy about the ban because he wants his restaurant to be free of cigarette butts and ash.

Photo by: S. SURESH/STAR24X7



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Kempen bukan bermusim- Dzulkefly
Muka Surat	12

UTUSAN MALAYSIA • JUMAAT 04 JANUARI 2019

Kempen bukan bermusim - Dzulkefly

um 4/1/19 Mys12

Oleh JUANI MUNIR ABBAKAR
pengarang@utusan.com

■ PUTRAJAYA 3 JAN.

PENGUATKUASAAN larangan merokok di premis makan tidak sekadar ‘hangat-hangat tahi ayam’ atau bermusim dengan ia diteruskan pada setiap masa.

Menyatakan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, langkah itu tidak berhenti sejak kempen sahaja tetapi perlu berterusan kerana ingin menghentikan amalan merokok dalam kalangan rakyat sejajar menuju negara maju menjelang 2020.

Sehubungan itu, beliau menghargai sokongan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga bersama melaksanakan aktiviti penguatanasaran larangan merokok di restoran dan kedai makan.

“Masih terlalu awal untuk katan kempen ini berjaya sebab baru tiga hari dilaksanakan, tetapi saya percaya jika berterusan, ia mencapai hasrat kerajaan.

“Kita tidak bermusim kerana dalam soal ini aktiviti penguatanasaran dijalankan 24 jam setiap hari,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Program Restoran Tanpa Asap dan Tembakau di Presint 9, di sini hari ini.



DZULKEFLY AHMAD (dua dari kiri) berama Zuraida Kamaruddin dalam Majlis Pelancaran Program Restoran Tanpa Asap dan Tembakau di Presint 9, Putrajaya, semalam. Turut hadir Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye (kiri). - UTUSAN/RASHID MAHFIZ

Pada masa sama, Dzulkefly memaklumkan, kerajaan akan mempertimbangkan cadangan menyediakan ruangan merokok seperti mana dilakukan di negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan.

Katanya, cadangan berkenaan bakal diteliti selepas tempoh enam bulan iaitu apabila bermulanya aktiviti penguatanasaran undang-undang larangan merokok di kedai makan.

“Insya-Allah kita ke arah itu kerana kita juga perlu lihat hak untuk merokok iaitu tidak menghalang orang berbuat de-

mikian,” katanya.

Beliau berkata, sehingga kini, sebanyak 5,746 premis diperiksa dan sejumlah 2,500 notis amaran dikeluarkan.

Dalam masa sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga akan memantau pelaksanaan peraturan larangan ini dari semasa ke semasa.

“Langkah ini bagi memastikan peraturan larangan berkenaan dapat dikuatkuasakan dengan cekap dan berkesan,” katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Vape, shisha juga dilarang-KKM
Muka Surat	12

Vape, shisha juga dilarang - KKM

KUALA LUMPUR 3 Dis. - Kementerian Kesihatan hari ini memaklumkan penggunaan rokok elektronik (vape dan nano stick) serta shisha turut dilarang dalam premis makanan.

Dalam satu poster yang disiarkan di laman Facebook rasminya, kementerian itu menyatakan larangan tersebut berkuat kuasa sama seperti larangan merokok yang bermula kelmarin.

"Selain daripada merokok, vape, nano stick dan

shisha turut dilarang di premis makanan. Harap maklum," menurut kementerian itu.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad memaklumkan vape dan shisha yang mengandungi nikotin turut termasuk dalam larangan merokok seperti yang tertakluk dalam Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kementerian bukan 'hangat-hangat tahi ayam'
Muka Surat	08

Kementerian bukan 'hangat-hangat tahi ayam'

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan memberi jaminan kempen larangan merokok di tempat makan bukanlah bersifat 'hangat-hangat tahi ayam' atau bermusim sebagaimana digusarkan netizen di media sosial.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, penguatkuasaan yang telah dilaksanakan sejak 1 Januari itu adalah sebahagian usaha kerajaan dalam menjadikan rakyat di Malaysia sebagai masyarakat maju menjelang 2020.

"Agak terlalu awal untuk mengukur kejayaan penguatkuasaan ini, namun setakat ini kami mendapat maklum balas yang positif daripada masyarakat," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Program Promosi Tempat Makan sebagai Tempat Dilarang Merokok dan Pelancaran Program Restart (Restoran Tanpa Asap Rokok dan Tembakau) di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata, kementerian juga sedia menerima sebarang maklum balas dan cadangan daripada orang ramai bagi memas-



tilan penguatkuasaan larangan merokok itu berjaya dilaksanakan.

"Kita juga akan mempertimbangkan cadangan ruangan khas untuk merokok sebagaimana yang dilaksana di Jepun, namun dalam masa enam bulan ini, kementerian akan memfokuskan penguatkuasaan secara mendidik dengan memberi amaran kepada mereka yang ingkar," katanya.

Beliau berkata, setakat dua hari pelaksanaan, kementerian telah melakukan pemeriksaan di 5,746 premis dan mengeluarkan

notis amaran sebanyak 2,500 selain mengedarkan 14,237 risalah kesihatan kepada orang ramai.

Dalam pada itu, Zuraida berkata, kementeriannya akan turut memberi sokongan kepada usaha tersebut dari segi penguatkuasaan larangan berkenaan.

"Kempen larangan merokok ini hanya membabitkan 10 peratus ruang yang ada dan perokok boleh memilih 90 peratus lagi kawasan merokok lain... kita tidak akan menghalang hak untuk merokok," katanya. - Bernama



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	KRT dakwa bekalan air dewan dicuri
Muka Surat	23

KRT dakwa bekalan air dewan dicuri

SH 4/1/19 M/S 23.

KAMPUNG PANDAN - Kawasan Rukun Tertangga (KRT) Sektor B Kampung Pandan mahu agensi terbabit menyelesaikan isu air yang dipercayai dicuri dari sebuah dewan di sini.

Pengerusinya, Zahrin Aris berkata, beliau mengetahui isu berkenaan selepas dilantik menjadi Pengerusi KRT Sektor B Kampung Pandan pada 2017.

"Saya terkejut apabila mengetahui bekalan air di sini dipercayai dicuri oleh peniaga gerai 'haram' berhampiran dewan tersebut, ia telah menjadi satu kesalahan, malah kita tidak ada kena kesengena dengan peniaga itu," katanya.

Zahrin berkata, pihaknya mendapat sistem saliran tersebut dipercayai telah ditanam dan berada di bawah premis berkenaan.

"Saya telah mencadangkan kepada pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya untuk merobohkan



Syed Abdul Halim (kiri) sedang menyiasat aduan bekalan air dewan dipercayai dicuri.

premis berkenaan," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung, Syed Abdul Halim Syed Harman telah turun ke lokasi apabila menerima aduan berhubung isu air di dewan tersebut.

"Hasil siasatan mendapati

peniaga berkenaan mendakwa telah membayar bil air tersebut sejak 30 tahun dahulu, namun bil air tersebut di atas nama KRT berkenaan, kami akan melaksanakan siasatan dengan agensi berkaitan untuk tindakan lanjut," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Bukan larangan bermusim: Dr Dzulkefly
Muka Surat	16

Bukan larangan bermusim: Dr Dzulkefly

BH 4/1/19 MS 16.

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH /BH]

Putrajaya: Kementerian Kesihatan menegaskan larangan merokok di premis makanan bukan bersifat 'hangat-hangat tahi ayam' atau bermusim seperti yang dibimbangkan orang ramai di media sosial.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata penguatkuasaan larangan merokok di premis makan sejak 1 Januari lalu, adalah sebahagian usaha kerajaan menjadikan rakyat di Malaysia sebagai masyarakat maju yang penuh bertamadun menjelang 2020.

"Masih terlalu awal untuk katakan kempen ini berjaya sebab baru tiga hari dilaksanakan, tetapi saya percaya jika berterusan, ia mencapai hasrat kerajaan selama ini."

Penguatkuasaan 24 jam

"Kita tidak bermusim dalam soal ini, kerana penguatkuasaan dijalankan 24 jam setiap hari," katanya selepas menghadiri Program Promosi Tempat Makan sebagai Tempat Dilarang Merokok dan Majlis Pelancaran Program Restart (Restoran Tanpa Asap Rokok dan Tembakau) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tem-

patan, Zuraida Kamaruddin. Dr Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan juga sedia menerima maklum balas bagi memastikan penguatkuasaan berjaya dilaksanakan.

"Kita akan mempertimbang cadangan ruangan khas merokok sebagaimana yang dilaksana di Jepun, namun dalam masa enam bulan ini, kementerian memfokuskan penguatkuasaan secara mendidik dengan memberi notis amaran kepada mereka yang ingkar," katanya.

Beliau berkata, setakat dua hari penguatkuasaan peraturan itu, pemeriksaan di 5,746 premis sudah dilaksanakan dan 2,500 notis amaran dikeluarkan.

Sementara itu, Zuraida berkata, kementeriannya memberi sokongan kepada usaha itu daripada segi penguatkuasaan.

"Penguatkuasaan larangan merokok membabitkan 10 peratus ruang yang ada dan perokok boleh memilih 90 peratus ruang merokok yang lain.

"Pihak berkuasa tempatan (PBT) disarankan bekerjasama dengan penguatkuasa daripada Kementerian Kesihatan bagi memastikan larangan ini dapat dikuatkuasakan dengan cekap," katanya.



Dr Dzulkefly (kanan) bersama Zuraida melancarkan Kempen Restoran Tanpa Asap dan Tembakau di Putrajaya, semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	'Kami sangka larangan hanya di premis skala besar sahaja'
Muka Surat	03

Klang: "Kami tidak tahu dan menyangka hanya premis berskala besar seperti restoran yang wajib mempamerkaninya." Itu reaksi puluhan peniaga gerai kecil-kecilan dan trak makanan di sekitar daerah ini mengenai pewartawan peraturan meletakkan papan tanda larangan merokok di premis mereka.

Perkara itu dikesan menerusi pelaksanaan program Penguatkuasaan Pendidikan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) di premis perniagaan makanan di Bandar Bukit Tinggi, Taman Rakyat dan Taman Sri Andals, di sini, semalam.

Pengarah Kesihatan negeri Datuk Dr Khalid Ibrahim berkata, pemerhatian pihaknya mendapati kefahaman peniaga bagi dua kategori perniagaan itu masih berada pada tahap rendah iaitu di bawah 50 peratus.

"Ia berikutan mereka (peniaga) mungkin beranggapan premis kecil-kecilan tidak diwajibkan mempamerkan larangan berkenaan dan tidak mengetahui spesifikasi

'Kami sangka larangan hanya di premis skala besar sahaja'

HM 4/1/19 M/S 03.



PENIAGA gerai makanan menampal papan tanda Larangan Merokok pada premis makanannya di Taman Rakyat.

sebenar papan tanda yang ditetapkan kementerian.

"Kita ingin menegaskan semua premis yang menyelia, menyedia dan menjual makanan perlu mematuhi peraturan itu termasuk membabitkan gerai tepi jalan atau food truck.

"Namun, pegawai dan anggota kita terus mempergiatkan operasi memberi peringatan mengenai perkara itu kepada semua peniaga di

negeri ini," katanya ketika ditemui selepas mengetuai program itu.

Khalid berkata, pihaknya bagaimanapun berpuas hati dengan tahap kesedaran dan kefahaman premis lain yang mencatatkan peratusan tinggi dianggarkan mencecah 70 peratus mengenai larangan itu.

"Sepanjang tempoh tiga hari, kita sudah menjalankan pemantauan terhadap

lebih 2,000 premis dan mendapati kebanyakannya mematuhi peraturan berkenaan.

"Sehingga semalam (kelmarin), kita sudah mengeluarkan sebanyak 684 notis amaran dan pemberitahuan kepada premis manakala 22 notis kepada perokok. Kita saraskan memeriksa sebanyak 1,300 premis setiap hari sehingga 30 Jun ini," katanya.

Beliau berkata, seramai 488 pegawai dan anggota ditugaskan untuk menjalankan operasi pemantauan serta pemeriksaan di lebih 70,000 premis perniagaan makanan berdaftar di negeri ini.

Sementara itu, peniaga ayam goreng, Asliza Sanodin, 37, berkata dia sememangnya tidak begitu mengetahui berkaitan peraturan meletakkan papan tanda larangan berkenaan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Penguat kuasa buat pemantauan setiap hari
Muka Surat	03

Penguat kuasa buat pemantauan setiap hari

HM 4/1/19 Ms 03.

Putrajaya: Kementerian

Kesihatan menegaskan larangan merokok di tempat makan bukan bersifat 'hangat-hangat tahi ayam' atau bermusim sebagaimana digusarkan oleh orang ramai di media sosial.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan yang berkuat kuasa 1 Januari lalu, sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menjadikan rakyat di Malaysia sebagai masyarakat maju yang penuh bertamadun menjelang 2020.

"Masih terlalu awal untuk katakan kempen ini berjaya sebab baru tiga hari dilaksanakan, tetapi saya percaya jika berterusan, ia mencapai hasrat kerajaan

selama ini.

"Kita tidak bermusim dalam soal ini kerana aktiviti penguatkuasaan dijalankan 24 jam setiap hari," katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Promosi Tempat Makan sebagai Tempat Dilarang Merokok dan Majlis Pelancaran Program Restart (Restoran Tanpa Asap Rokok dan Tembakau) di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamardin.


Dr Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan juga sedia menerima sebarang maklum balas dan cadangan daripada orang ramai bagi memastikan penguatkuasaan larangan merokok berjaya dilaksanakan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Peniaga masih degil halang laluan awam
Muka Surat	34



Kuala Lumpur: Segelintir pengusaha restoran dan pemilik premis masih berdegil dengan meletakkan barang dagangan serta peralatan perniagaan mereka di luar sehingga menghalang laluan pejalan kaki.

Bertindak atas maklumat dan risikan dilakukan, anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ke beberapa lokasi di ibu kota yang dikenal pasti sering melakukan kesalahan itu, semalam.

Pengarah Jabatan Pengurauan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Azman Mahmood berkata, operasi bermula jam 7 pagi di Jalan Jejaka 7, Jalan Jejaka 9, Jalan Mahkota, Jalan Sungai Besi, Lorong Haji Taib dan Jalan Raja Laut.

"Ketika operasi dijalankan, kami mendapati ada restoran meletakkan kerusi dan meja di laluan pejalan kaki yang mana ia menghalang laluan berkenaan se-lain boleh membahayakan keselamatan pelanggan.

"Susulan itu, pihak kami mengeluarkan 15 notis mengikut Seksyen 46(1)d Akta Jalan, Parit dan Bangunan + 1974, satu notis mengikut Seksyen 47(1)a akta sama serta tiga notis mengikut Kaedah 12(4) Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan 1959,"

PREMIS dan peniaga yang meletakkan barang dagangan serta peralatan perniagaan di kaki lima.

Peniaga masih degil halang laluan awam

katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut menyita kerusi dan meja di empat premis kerana kesalahan halangan di tempat awam dan kesalahan mengikut UUK 3 (1) Undang-Undang Perlesenan dan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016.

Azrinan berkata, pada sebelah petang pula, pihaknya menjalankan pemeriksaan di Lorong Haji Taib,

jalan Silang dan Tuanku Abdul Rahman berdekatan pusat membeli-belah Sogo.

"Ketika pemeriksaan ini kami mendapati kebanyakan warga asing membuka gerai menjual ubat-ubatan, aksesori dan barang mainan secara haram di laluan pejalan kaki.

"Pihak kami mengambil tindakan siti terhadap 11 peniaga dan premis yang didapati melakukan kesalahan mengikut UUK 3 (1) Undang-Undang Perlesenan dan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016," katanya.

FAKTA

DBKL siti kerusi dan meja di empat premis kerana kesalahan halangan di tempat awam